

22 Januari 2009 (Khamis)

Industri getah kini terancam

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN ainul.ahsan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 22 Jan. - Getah sintetik kini menjadi ancaman utama kepada getah asli sehingga memaksa kerajaan mengurangkan eksport komoditi itu pada tahun ini dalam usaha untuk menstabilkan harganya. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, Malaysia akan mengurangkan eksport getah sebanyak 57,050 tan metrik tahun ini dan menjadikan keseluruhan eksport getah negara pada 2009 sebanyak 700,00 tan metrik. Pada tahun lalu, eksport kasar getah Malaysia ialah kira-kira 1.1 juta tan metrik.

Fah Kui berkata, usaha menstabilkan harga getah asli itu perlu dilakukan memandangkan harga getah sintetik kompetitif berbanding getah asli. Menurut beliau, jurang antara harga getah asli dan sintetik adalah antara 10 hingga 30 peratus. "Getah sintetik menjadi persaingan terdekat kepada getah asli dan kejatuhan harga minyak menjadikan getah sintetik lebih murah," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Buletin Statistik Produk Getah dan Seminar Peranti Perubatan di sini hari ini. Harga semasa pasaran getah asli adalah RM511.50 setan metrik.

Fah Kui menjelaskan, kejatuhan harga getah adalah tidak adil kepada pasaran kerana getah sintetik tidak boleh digunakan sebagai asas bagi semua produk berasaskan getah. Contohnya, pembuatan tayar kereta sama sekali tidak boleh menggunakan getah sintetik, jelas beliau. Katanya, sebagai langkah permulaan, Malaysia akan mengurangkan eksport getah sebanyak 22,000 tan pada suku pertama tahun ini. Tambah beliau, Malaysia juga akan mengadakan mesyuarat dengan Indonesia dan Thailand untuk menstabilkan harga pada 12 Februari ini.

Difahamkan Indonesia dan Thailand, masing-masing mengeksport getah sebanyak tiga juta tan metrik dan empat juta tan metrik setahun. Terdahulu ketika berucap di majlis tersebut, Fah Kui turut mengumumkan pertambahan inisiatif oleh Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) bagi memastikan industri getah tempatan terus berdaya saing dalam menghadapi kelembapan ekonomi global. Insentif-insentif tersebut termasuk sokongan kewangan bagi mengikuti pameran perdagangan, sijil produk, akreditasi makmal, pengambilan alih laporan penyelidikan pasaran, pengeluaran promosi material dan promosi pasaran bagi Piawaian Sarung Tangan Malaysia (SMG).

"Penambahan insentif yang diperkenalkan ini bertujuan menyediakan rangsangan fiskal bagi pengeluaran produk getah tempatan untuk menjalankan promosi ketika aktiviti ekonomi merosot ketika ini. "Kita berharap dengan adanya usaha yang dijalankan, industri getah mampu mencatatkan prestasi memberangsang apabila ekonomi global pulih nanti," ujarinya.

23 Januari 2009 (Jumaat)

Najib: Belum ada keputusan LCCT baru di Labu

PETALING JAYA 23 Jan. - Kerajaan belum membuat keputusan berhubung cadangan syarikat penerbangan tambang murah AirAsia untuk memindahkan terminal penerbangan tambang murah (LCCT) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Labu, Negeri Sembilan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Kami sedang menelitinya (cadangan itu) tetapi masih belum membuat sebarang keputusan. Saya tidak boleh mendahului apa-apa keputusan dengan membuat pengumuman,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis penyerahan pesawat amfibia Bombardier CL415 oleh syarikat pembuat pesawat itu kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini hari ini.

Najib berkata kerajaan mengkaji daripada semua sudut berhubung cadangan pembinaan LCCT baru itu bagi melihat “sama ada kita boleh meneruskannya atau pun kita perlu membuat persediaan lain.” - Bernama

23 Januari 2009 (Jumaat)

RM2.7 juta projek infrastruktur untuk Labuan

LABUAN 23 Jan. - Kira-kira RM2.7 juta projek pembangunan infrastruktur akan diberikan kepada 28 kontraktor di pulau bebas cukai itu sebagai sebahagian inisiatif kerajaan untuk membantu kontraktor tempatan agar dapat bertahan dalam keadaan ekonomi yang suram kini. Projek-projek tersebut hanya untuk kontraktor Kelas F yang diserahkan melalui Unit Perancangan Pelaksanaan (ICU) di bawah Jabatan Perdana Menteri, di bawah pakej rangsangan bernilai RM 7 bilion yang diumumkan kerajaan baru-baru ini. Projek berkenaan akan diberikan melalui proses pengundian berkomputer menyaksikan sebanyak 162 kontraktor tempatan mengambil bahagian. - Bernama

23 Januari 2009 (Jumaat)

Felda sedia RM3j bina 6 kompleks sukan

BANDAR JENGKA 23 Jan. - Felda memperuntukkan RM3 juta untuk membina enam Kompleks Sukan Komuniti (KSK) di tanah-tanah rancangannya pada tahun depan. Timbalan Pengurus Besar Felda (Operasi), Datuk Dzulkifli Abd. Wahab berkata, dengan terlaksananya projek itu,

Felda kini memiliki 22 KSK di 17 tanah rancangan di seluruh negara pada masa ini. Bagaimanapun, katanya, saiz gelanggang tertutup yang akan dibina itu dijangka lebih kecil berbanding 16 lagi KSK sedia ada.

"Pada tahun ini, Felda membelanjakan sebanyak RM48 juta untuk membina 16 KSK di 11 tanah rancangan di seluruh negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini. Dzulkifli memberitahu, Felda tidak mampu membina KSK di setiap 317 tanah rancangan di seluruh negara memandangkan kosnya yang begitu tinggi. "Setiap KSK bernilai lebih setengah juta ringgit dan kita hanya mampu membina kompleks itu di tanah rancangan terpilih," jelasnya.

Menurutnya, KSK yang serba lengkap itu boleh digunakan oleh mana-mana pihak yang berhasrat menganjurkan kejohanan tertentu.

Menurut beliau, antara kejohanan yang berjaya diadakan termasuk Liga Futsal Kebangsaan Felda 2008-2009 sirkit pertama di KSK Felda Jengka 14 di sini yang berakhir semalam. Selain itu, tambah beliau, kewujudan KSK dapat menggalakkan golongan muda bersukan sekali gus menangani gejala sosial di tanah-tanah rancangan.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, Felda menyalurkan peruntukan khas sebanyak RM50,000 untuk membina prasarana sukan di tanah rancangannya di seluruh negara pada tahun ini. "Peruntukan itu untuk membina atau membaik pulih gelanggang sepak takraw, badminton dan bola tampar di tanah-tanah rancangan," katanya.

24 Januari 2009 (Sabtu)

Jangan terburu-buru luluskan LCCT di Labu

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Kerajaan tidak boleh terburu-buru meluluskan cadangan pembinaan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) di Labu, Negeri Sembilan. "Ia perlu dipersetujui semua pihaknya termasuk sokongan rakyat. Ini kerana LCCT kedua itu perlu memberi manfaat kepada negara. "Selain itu, ia juga mesti berfaedah kepada semua pihak khususnya rakyat jelata bukan menguntungkan pihak tertentu semata-mata," kata pakar ekonomi, Tan Sri Ramon Navaratnam.

Beliau, kerajaan perlu mengambil masa secukupnya untuk mengkaji secara terperinci pembinaan LCCT baru yang dikenali sebagai KLIA-East itu. "Ini memandangkan pembinaannya kelak memberi kesan jangka panjang termasuk terhadap kepentingan rakyat, sebab itu ia perlu persetujuan ramai termasuk sokongan rakyat," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam bahawa pembinaan LCCT baru itu akan diteliti dari segenap aspek sebelum keputusan dibuat sama ada meneruskan projek itu atau sebaliknya.

Semalam, Ketua Pegawai Eksekutif Air Asia, Datuk Seri Tony Fernandes pula berkata, semua pihak patut memberi peluang supaya AirAsia mampu bersaing dengan Singapura yang mengambil peluang secukupnya daripada ketidakcekan Malaysia mengendalikan industri berkenaan. Navaratnam berkata, Pelan Induk Lapangan Terbang (PILT) merupakan pelan yang baik dan perlu dirujuk supaya pembinaan yang dibuat mengikut prosedur pelan tersebut.

"Mengapa kita tidak menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk dijadikan LCCT. "Dalam konteks ini sekiranya KLIA boleh digunakan ia harus diutamakan agar reputasinya tidak terjejas serta dapat menjadikannya sebagai hab penerbangan utama negara," tegasnya. Sehubungan itu, katanya, Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) yang dipertanggungjawabkan menguruskan terminal perlu memastikan syarikat berkenaan menyediakan kemudahan yang baik kepada penumpang.

25 Januari 2009 (Ahad)

Tanjung Bin jadi pusat proses petroleum

PONTIAN 25 Jan. - Kerajaan negeri akan membina pusat penyimpanan dan pemrosesan petroleum, di sini dalam usaha menarik lebih ramai pelabur asing. Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, bagi memastikan projek tersebut menjadi kenyataan, kerajaan negeri telah menzatkan tanah seluas 890.3 hektar di Tanjung Bin untuk tujuan perindustrian.

Selain itu, projek penambakan bagi membina tempat penyimpanan (bunkering) di muara Sungai Pulai telah dimulakan. "Projek tersebut diharap menjadi penyokong kepada kepesatan aktiviti pelabuhan dan perkapalan di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP). "Projek ini juga akan menjadi serampang dua mata bagi memberi nilai tambah kepada pembangunan perindustrian di daerah ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Ahmad Zahri Jamil sempena majlis pelancaran draf rancangan kawasan Permas Kechil-Kukup 2015, di sini semalam.

Mengenai draf rancangan itu, Abdul Ghani berkata, ia amat sesuai dan tepat pada masanya kerana sebahagian kawasan Pontian termasuk di dalam kawasan pembangunan Iskandar Malaysia. Menurutnya, lokasi bandar Permas Kechil yang hampir dengan kawasan pembangunan perindustrian di Tanjung Bin menjadikannya berpotensi dan terdedah kepada peluang perniagaan terutama dalam sektor hartanah.

28 Januari 2009 (Rabu)

Penduduk bimbang cerun bukit runtuh



KEADAAN cerun bukit yang terhakis akibat hujan lebat baru-baru ini di Bandaran Berjaya, Kota Kinabalu.

KOTA KINABALU 28 Jan. - Penghuni rumah kedai berhampiran Bandaran Berjaya di sini menggesa pihak berkuasa segera memperbaiki cerun bukit tersebut yang terhakis kerana hujan lebat baru-baru ini. Penduduk mendakwa, walaupun usaha menutup hakisan tersebut dengan kanvas telah dilakukan tetapi ia masih belum memadai, lebih-lebih lagi dalam keadaan cuaca yang tidak menentu sejak kebelakangan ini.

Seorang penghuni rumah kedai, **Azwan Yahya**, 25, berkata, perasaan bimbang sentiasa menyelubungi penduduk di sini khususnya apabila hujan. "Kita khuatir, jika hujan lebat mungkin tanah itu runtuh lagi dan lebih besar daripada apa yang berlaku sekarang. "Pihak bertanggungjawab harus mengkaji struktur tanah itu dengan segera sama ada ia masih selamat atau sebaliknya," katanya ketika ditemui di sini hari ini. Dia mendakwa, ini bukan kali pertama hakisan tanah itu berlaku tetapi kejadian sama telah berlaku beberapa kali.

Exsan Tahir, 39, berkata, pihak bertanggungjawab harus mencari jalan penyelesaian kekal bagi mengatasi masalah itu demi kepentingan semua pihak. "Pihak bertanggungjawab perlu mengambil langkah segera kerana ini bukan kali pertama kejadian ini berlaku," katanya

Seorang lagi penghuni, **Sazrin Mohd.** 21, berkata, pihak berkuasa perlu meletakkan pegawai untuk memantau perkembangan cerun tersebut dari semasa ke semasa. "Kita tidak tahu apa yang akan berlaku selepas ini. Kalau runtuh kecil mungkin tidak apa tetapi kalau runtuh lebih besar. Siapa akan bertanggungjawab jika ada kemalangan jiwa," katanya.

28 Januari 2009 (Rabu)

40 tahun terbengkalai

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI kota@utusan.com.my



KEADAAN dalam Pasar Batu 18, Hulu Langat terbiar sejak 40 tahun lalu.

HULU LANGAT 28 Jan. – Jika ke Hulu Langat, jangan lupa singgah di sebuah pasar berusia hampir 40 tahun yang terletak di Batu 18, Jalan Langat. Tiada apa yang istimewa tentang pasar itu, cuma ia mungkin pemegang rekod bangunan pasar yang paling lama terbengkalai pembinaannya. Keadaan pasar itu terbiar tanpa disenggara oleh sesiapa hatta Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sekalipun ia dipercayai dibina bagi memastikan peniaga di sekitar kawasan berkenaan mempunyai tempat berniaga yang lebih baik. Sehingga kini tiada siapa yang dapat memberikan jawapan mengapakah pasar berkenaan terbengkalai sebegitu lama sedangkan lokasinya strategik dan berhampiran kawasan perumahan.

Tinjauan Utusan Malaysia ke lokasi tersebut baru-baru ini mendapati pasar berkenaan memang tidak terurus. Pintu hadapannya didapati berkunci namun ia masih boleh dimasuki menggunakan pintu belakang. Terdapat kesan-kesan yang menunjukkan bangunan berkenaan mempunyai penghuni atau sekurang-kurangnya menjadi tempat kediaman sementara kerana terdapat beberapa helai pakaian yang dijemur serta peralatan memasak yang ditinggalkan di dalam pasar tersebut.

Menurut penduduk yang ditemui, pasar berkenaan juga telah dijadikan tempat penyimpanan barang-barang penduduk berdekatan memandangkan pasar tersebut telah lama ditinggalkan. Selain itu, pasar berkenaan turut menjadi tempat ayam ternakan penduduk sekitar 'bermain-main' kerana terdapat begitu banyak najis ayam di dalamnya.

Ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Abd. Rahman Pian, 44, berkata, MPKj perlu memberi perhatian terhadap masalah pasar itu agar pembinaannya tidak dibazirkan. Menurutnya, jika tidak mahu diteruskan sebagai pasar, bangunan itu boleh ditukar menjadi dewan mahupun pusat komuniti penduduk. "Pasar ini telah berada di sini sejak 40 tahun yang lalu dan semenjak itu tiada apa yang mampu dilakukan penduduk terhadap pasar berkenaan.

“Sekiranya 40 tahun dahulu pasar ini dijadikan dewan, pastinya banyak aktiviti dapat dijalankan di dewan berkenaan. “Saya harap kali ini MPKj dapat bertegas dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah berkenaan agar ia tidak dijadikan tempat ayam bertelur lagi,” ujarnya.

Seorang penduduk yang hanya ingin dikenali sebagai Hussin, 54, mendakwa, pembinaan pasar berkenaan tergendala akibat perebutan kuasa antara beberapa ahli politik di kawasan berkenaan. Jelasnya, projek berkenaan adalah inisiatif sebuah parti politik sebelum ini, namun berikutan berlaku percanggahan pendapat antara individu yang terbabit, pembinaan pasar berkenaan tidak lagi diteruskan.

Ujarnya, penduduk tidak tahu kepada siapa mereka perlu membuat aduan kerana individu yang bertanggungjawab memohon pasar itu juga tidak diketahui memandangkan pasar berkenaan telah lama ditinggalkan dan pihak yang bertanggungjawab itu juga tidak ambil peduli. “Pasar ini telah dibina oleh MPKj namun saya tidak tahu siapa yang memohon pembinaannya.

“Sejak pasar ini dibina, ia belum pun pernah dibuka kepada mana-mana peniaga tetapi lima tahun lalu, seorang peniaga perabot pernah menjalankan perniagaannya di sini.

“Namun peniaga tersebut hanya mampu bertahan selama setahun sahaja kerana berlaku pergeseran antara ahli politik kawasan ini untuk ‘merebut’ pasar berkenaan sehingga menyebabkan peniaga perabot itu menamatkan operasi perniagaannya,” katanya ketika ditemui baru-baru ini. Tambahnya, dia tidak pasti atas dasar apa pasar berkenaan dibina suatu masa dahulu. Jelasnya, sekiranya pasar berkenaan tidak dibangunkan, MPKj perlu berbuat sesuatu bagi mengelakkan ia menjadi satu projek membazir.

“Saya harap MPKj dapat membantu penduduk di sini untuk membaik pulih pasar ini memandangkan saya rasa kos telah banyak dihabiskan untuk membuat pasar berkenaan namun ditinggalkan begitu sahaja. “Cukuplah Pasar Batu 14 terbiar, janganlah pasar ini pula dibiarkan,” jelasnya.

Seorang lagi penduduk yang ditemui, Azman Annhar, 43, berpendapat, penduduk di situ sudah tidak lagi memerlukan pasar tersebut lagi kerana mereka lebih berharap Pasar Batu 14 akan dibuka kembali. Ujarnya, dia menyokong sekiranya pasar yang terbengkalai itu diperbaiki dan disenggara bagi membolehkan penduduk menggunakannya sebagai dewan serbaguna atau gelanggang futsal.

“Memandangkan pasar ini masih terbengkalai pembinaannya dan oleh kerana tiada lagi lot-lot gerai dibina, strukturnya agak sesuai untuk dibina dewan serbaguna atau gelanggang futsal. “Lagipun kawasan ini masih tidak mempunyai dewan serbaguna untuk mengadakan aktiviti masyarakat mahupun majlis perkahwinan. “Namun, sebelum itu, bumbungnya perlu dibaiki memandangkan terdapat zink yang digunakan sebagai bumbung telah banyak yang rosak,” katanya.

30 Januari 2009 (Jumaat)

Projek LCCT Labu ditolak

KUALA LUMPUR 30 Jan. – Kerajaan hari ini menolak cadangan AirAsia Bhd. untuk membina sebuah lapangan terbang baru berharga RM1.6 bilion di Labu, Negeri Sembilan. Menurut sumber, syarikat penerbangan tambang murah itu bagaimanapun dikatakan memperolehi beberapa konsesi. Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) difahamkan akan diberi tanggungjawab membina sebuah terminal penerbangan tambang murah (LCCT) yang baru, berdekatan terminal sekarang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Keputusan untuk membatalkan projek itu disampaikan kepada AirAsia pada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan dihadiri para pegawai Kementerian Kewangan, MAHB, dan AirAsia hari ini. Sumber itu menyatakan AirAsia berjaya mendapat jaminan mengenai caj dan cukai lapangan terbang lebih rendah, yang ia akan berunding dengan MAHB dan juga dibenarkan memberi input mengenai spesifikasi LCCT baru itu. Katanya, syarikat penerbangan tambang murah itu diberi masa untuk mengemukakan senarai keperluannya dalam LCCT baru itu. Caj itu boleh diturunkan sehingga separuh, kata sumber tersebut.

AirAsia sentiasa mengadu tentang caj di LCCT sekarang kerana berpendapat caj dan cukai yang dikenakan di lapangan terbang itu sepatutnya lebih rendah daripada di KLIA ekoran kurang kemudahan. Pada mesyuarat itu, AirAsia diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Seri Tony Fernandes. Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu, Tony berkata, AirAsia menganggap hasil mesyuarat itu sebagai amat positif dan kini ia menunggu butiran lengkap. Katanya, AirAsia komited bagi menyediakan perkhidmatan berkelas dunia, lima bintang melalui sebuah LCCT yang dibina khas.

Menurutnya, AirAsia turut komited menjadikan Kuala Lumpur sebuah hab serantau bagi syarikat penerbangan tambang murah agar dapat memberi sumbangan lebih besar kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. “Dari segi kewangan, ini merupakan berita baik bagi AirAsia. “AirAsia yang kini mempunyai geran yang tinggi, tidak perlu lagi mendapatkan pembiayaan untuk membina LCCT baru itu,” katanya. – BERNAMA

30 Januari 2009 (Jumaat)

MPK arah pemaju serah pelan tangki

SHAH ALAM 30 Jan. - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengarahkan pemaju yang membina tangki air di Kampung Idaman, Pelabuhan Klang dekat sini supaya menyerahkan pelan pembinaan tangki air tersebut untuk disemak tahap keselamatannya. Ketua Perhubungan

Awamnya, Norfiza Mahfiz berkata, pada masa sama, pihaknya turut mengarahkan agar kerja-kerja pembinaan struktur setinggi enam tingkat bangunan itu dihentikan serta-merta sehingga arahan selanjutnya dikeluarkan.

Sambil mengakui pelan pembinaan tangki air tersebut belum mendapat kelulusan daripada MPK, beliau berkata, pihaknya bagaimanapun telah memberi persetujuan semasa rancangan untuk membina tangki tersebut dibuat kerana ia dibina bagi kemudahan penduduk sekitar kawasan tersebut. Menurut beliau, mengikut perancangan awal, pembinaan tangki air itu yang telah mendapat kelulusan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) dibina untuk penduduk di kawasan Kampung Idaman, Pendamar Indah dan Pandamaran.

"Berdasarkan pelan kelulusan bagi Taman Pendamar Indah, Pelabuhan Klang, tapak seluas 0.21 hektar yang dimajukan sebagai tangki air tersebut adalah selaras dengan pelan yang diluluskan MPK. "Bagaimanapun, oleh kerana pelan pembinaannya belum mendapat kelulusan MPK, selain aduan daripada penduduk, maka arahan telah dikeluarkan supaya kerja-kerja pembinaan dihentikan serta-merta dan pemaju diminta mengemukakan pelan pembinaan dengan segera untuk semakan. "Sekiranya pihak pemaju gagal mematuhi arahan yang dikeluarkan, MPK akan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mereka," kata beliau.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas gesaan penduduk Kampung Idaman yang mahukan tangki air setinggi bangunan enam tingkat itu dirobuhkan kerana pembinaannya terlalu dekat dengan kabel elektrik voltan tinggi yang mungkin mengancam keselamatan penduduk. Sementara itu, Norfiza memberitahu, hasil lawatan ke tapak pembinaan tangki air itu oleh wakil Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Pembangunan MPK mendapati struktur binaan tangki air tersebut telah dibina hampir 80 peratus. Katanya, berdasarkan maklumat pemaju, kerja-kerja pembinaan tangki tersebut dimulakan sejak September tahun lalu selepas mendapat pengesahan daripada Syabas.

1 Februari 2009 (Ahad)

Kementerian bantu HKL capai taraf antarabangsa

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Kementerian Wilayah Persekutuan akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam usaha menambah baik mutu perkhidmatan Hospital Kuala Lumpur (HKL) bagi mencapai tahap hospital bertaraf antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Zulhasnan Rafique berkata, pihaknya dan Kementerian Kesihatan akan mengadakan proses interaksi secara berterusan dengan pihak hospital bagi mendengar perkara-perkara yang berbangkit sekiranya ada. Katanya, di samping itu, kementerian juga mengalu-alukan cadangan-cadangan yang baru daripada pihak hospital bagi membantu meningkatkan kualiti hospital yang banyak berjasa sejak dahulu lagi.

"Kita akan mengadakan lawatan ke hospital ini sebagai acara tahunan kementerian supaya dapat mewujudkan suasana yang baru terutama di Wad Bersalin HKL ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Pada lawatan tersebut, Zulhasnan yang diiringi isteri, Datin Seri Nooriah Anna Razak menyerahkan hamper sumbangan Yayasan Amal Wangsa kepada 13 bayi yang dilahirkan pada hari ini. Zulhasnan berkata, lawatan tersebut bertujuan melihat bayi-bayi yang baru dilahirkan dan berkongsi kegembiraan dengan para ibu bapa sempena Hari Wilayah Persekutuan.

Menurutnya, HKL amat bertuah kerana setakat pukul 12 tengah hari ini, seramai 15 bayi telah selamat dilahirkan dan daripada jumlah itu, HKL menerima sembilan bayi lelaki dan enam bayi perempuan. Dalam pada itu, Zulhasnan turut mengucapkan selamat Hari Wilayah Persekutuan kepada semua ibu bapa di sekitar Kuala Lumpur yang baru pertama kali mendapat cahaya mata.

Ditanya perancangan kementerian sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan, beliau berkata, kementerian akan lebih memperbanyakkan program yang melibatkan rakyat bagi memastikan kepentingan mereka terus dijaga. Sementara itu, Pengarah HKL, Datuk Dr. Zaininah Mohd Zain berkata, pihaknya bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan kerana HKL kini dalam proses untuk menaiktaraf Wad Bersalin dan Institut Pediatrik. Katanya, HKL sedang membina sebuah bangunan baru iaitu di dalam kawasan HKL yang akan menempatkan khusus wad bersalin dan wad Pediatrik (Wad Kanak-Kanak).

Beliau berkata, wad tersebut yang akan dilengkapi dengan pelbagai peralatan canggih itu diharap akan menambah baik lagi kualiti perkhidmatan HKL pada masa akan datang. Selain itu, Zaininah berkata, pihaknya di bahagian Wad Bersalin kini menyasarkan tempoh masa untuk menyambut kelahiran bayi daripada 90 minit ke 60 minit. Tambah beliau, HKL juga bakal menerima doktor dari luar negara termasuk Asia Barat bagi berkongsi pengalaman dengan seramai 7,400 doktor termasuk kakitangan yang lain.

1 Februari 2009 (Ahad)

JPKA salur RM24 juta

BEAUFORT 1 Feb. - Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) Sabah membelanjakan kira-kira RM24 juta bagi menyalurkan bantuan kepada penerima yang berdaftar di negeri ini pada tahun lalu. Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Azizah Mohd. Dun berkata, daripada jumlah itu, RM19.1 juta telah disalurkan kepada 18,676 penerima di bawah skim Bantuan Am. "Selain itu RM4.28 juta diperuntukkan kepada 37,627 penerima di bawah skim bantuan orang tua dan RM968,000 dibelanjakan di bawah skim bantuan anak yatim," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Program Bertemu Pelanggan JPKA anjuran bersama Unit Pemimpin Kemajuan Rakyat Klias dan JPKA di Dewan Sri Pertayu, Klias di sini semalam. Turut hadir, Timbalan Pengarah JPKA, Mohammad Noor Wahab; Pemimpin Kemajuan Rakyat Klias, Razali Mohd Tahir dan Penolong Pengarah Unit Bantuan Sosial JPKA, Jais Asri. Dalam pada itu, katanya, mulai tahun ini terdapat perubahan kadar bantuan yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri.

2 Februari 2009 (Isnin)

Usah terjebak skim cepat kaya - Cuepacs

KUCHING 2 Feb. - Kakitangan awam di negeri ini dinasihatkan agar tidak terjebak dengan skim cepat kaya hingga menjadi mangsa penipuan sindiket seumpama itu. Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Sarawak, Thomas Huo berkata, semua pekerja perlu mematuhi pekeliling khas daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Katanya, dalam pekeliling tersebut tidak membenarkan penjawat awam mengikuti skim cepat kaya seumpama itu. "Sila ikut segala arahan yang telah dikeluarkan oleh JPA," katanya di sini hari ini. Sebelum ini, Setiausaha Agung Cuepacs, Ahmad Shah Mohd. Zin berkata, skim tersebut akan mengakibatkan imej negatif kepada penjawat awam malah lebih 150,000 anggota kerajaan dipercayai terlibat secara aktif mempromosi dan melabur dalam urusan mencurigakan.

Huo berkata, masalah tersebut telah memaksa JPA mengeluarkan pekeliling yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Ismail Adam berkuatkuasa 13 Januari lalu yang melarang penglibatan penjawat awam, badan-badan berkanun dan majlis-majlis tempatan. Beliau berkata, mereka yang terbabit dengan skim berkenaan diarahkan supaya menghentikan aktiviti itu serta-merta atau berdepan dengan tindakan disiplin. "Ini kerana menurut pekeliling itu, pembabitan penjawat awam dalam skim berkenaan dengan jumlah wang yang besar akan memberi gambaran yang salah kepada orang ramai bahawa skim terbabit diluluskan kerajaan. "Penjawat awam banyak menceburi skim cepat kaya termasuk yang boleh didapati dalam Internet dan yang berasaskan pemasaran pelbagai peringkat," ujarinya.

3 Februari 2009 (Selasa)

Isu sungai perlu ditangani secara bersepadu

KUALA LUMPUR 3 Feb. - Masalah kebersihan Sungai Klang dan Sungai Gombak perlu ditangani secara bersepadu antara pihak berkuasa yang berkaitan, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail. Beliau berkata, rundingan secara serius antara Kerajaan

Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kerajaan Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran perlu disegerakan untuk menangani masalah yang berlarutan itu. "Menerusi perbincangan itu, kita boleh cari penyelesaian. Jika satu pihak sahaja berusaha untuk menjaganya, pasti tidak akan menjadi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ahmad Fuad diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung tahap kebersihan kedua-dua batang sungai berkenaan. Kelmarin, Abdullah melahirkan rasa kecewa dan kurang senang dengan tahap kebersihan dua batang sungai utama itu yang disifatkan sebagai menyakitkan mata. Dalam pada itu, Ahmad Fuad memberitahu, pencemaran dan pemandangan kurang indah di kedua-dua batang sungai tersebut disebabkan beberapa faktor.

"Aktiviti pembangunan antara punca sungai itu menjadi kotor. Jadi setiap pembangunan ini perlu dilihat kesannya dan mana yang boleh dihalang, perlu dihalang. "Pihak pemaju juga perlu memikirkan alternatif lain bagi memastikan setiap pembangunan tidak mengundang pencemaran," katanya.

Kata beliau, langkah-langkah penjagaan tidak boleh diletakkan kepada pihak berkuasa tempatan sahaja kerana jajaran sungai terbabit sangat panjang. Katanya, kerjasama daripada semua pihak termasuk orang ramai amat diperlukan. Bagaimanapun, Ahmad Fuad memberitahu, tahap kebersihan kedua-dua batang sungai tersebut masih belum mencapai peringkat kritikal. "Banyak usaha pembersihan telah dan sedang dijalankan," katanya.

3 Februari 2009 (Selasa)

Enam projek RM30 juta siap

Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN zaid.adnan@utusan.com.my

BINTULU 3 Feb. - Enam daripada lapan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berjumlah RM30 di bahagian ini telah siap sepenuhnya. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Mohidin Ishak berkata, dua lagi projek yang bernilai RM9 juta masih dalam pembinaan.

Menurutnya, enam projek itu membabitkan pembinaan saluran pembentungan najis bernilai RM10 juta, pengindahan taman dan landskap (RM2 juta), pembersihan tapak pembinaan bandar baru Samalaju (RM2 juta) dan infrastruktur luar bandar (RM10 juta). "Baki projek itu membabitkan pembinaan pasar baru, tempat makan dan stesen bas (RM3 juta) serta Jalan Tanjung Batu ke Pantai Tanjung Kidurong (RM6 juta)," katanya di sini semalam.

Mohidin berkata, dua projek yang masih dalam pembinaan ialah sistem perparitan dan pembasmian kemiskinan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Beliau berkata, BDA juga sedang melaksanakan projek di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi iaitu industri hiliran kluster untuk kelapa sawit (POIC) yang bernilai RM50 juta.

"Kita juga akan membuat satu lagi sebutan tender yang bernilai RM23 juta untuk POIC itu," katanya. Sementara itu, Mohidin berkata, kerajaan memperuntukkan RM300 juta bagi pelaksanaan projek-projek di bawah Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE) di Bintulu. Beliau menambah, antara projek yang dilaksanakan BDA di kawasan SCORE ialah kerja-kerja pembersihan tapak di Samalaju menelan belanja RM10 juta.

3 Februari 2009 (Selasa)

Impak Alam - Terumbu terpenting dunia dalam bahaya

Oleh WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI (shahara.ghazali@utusan.com.my)



Biodiversiti gugusan terumbu yang cukup indah berwarna-warni sehingga tumpuan utama pelancong dan saintis seluruh dunia ini diancam kemusnahan termasuk pemutihan karang ekoran pemanasan global, pencemaran dan perikanan melampau.

SISTEM terumbu karang terbesar di dunia iaitu Great Barrier Reef merangkumi kawasan sepanjang 2,600 kilometer dan seluas 344,400 kilometer persegi dengan lebih 2,900 terumbu berasingan dan termasuk 900 buah pulau. Lebih unik, sistem terumbu yang berada di dalam Laut Coral di luar persisiran Queensland Australia itu adalah struktur bernyawa terbesar dunia dan boleh dilihat dari angkasa lepas.

Great Barrier Reef yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak 1981 memainkan peranan yang sangat penting dalam menyokong kepelbagaian diversiti kehidupan dan dianggap sebagai salah satu daripada tujuh keajaiban semula jadi dunia. Tetapi adakah keajaiban ini berada di ambang kemusnahan?

Terkini, sekumpulan saintis Australia mendapati kadar pertumbuhan karang Great Barrier Reef 1990 adalah yang paling perlahan dalam tempoh 400 tahun kebelakangan ini yang menegaskan bahawa status lautan dunia perlu dibimbangi. Kajian tersebut telah dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Australian Institute of Marine Science (AIMS) di Townsville dan laporan bertajuk '*Declining Coral Calcification on the Great Barrier Reef*' diterbitkan di dalam jurnal saintifik utama dunia "Science" keluaran Januari.

Pertumbuhan merosot

Secara ringkasnya, mereka mendapati pertumbuhan salah satu koloni karang jenis Porites yang paling besar dan tegap di situ telah merosot sekurang-kurangnya 14 peratus sejak tanda aras tahun 1990. Karang Porites adalah spesies karang pembina terumbu paling utama di terumbu Australia itu. Penyelidikan itu adalah berdasarkan analisis statistik terhadap jalur pertumbuhan tahunan karang yang dijalankan ke atas 328 karang Porites daripada 69 terumbu berasingan sepanjang terumbu Great Barrier Reef.

Analisis tersebut mendapati kadar kalsifikasi atau banyak mana rangka skeleton ditambah setiap tahun, telah merosot sebanyak 0.3 peratus setahun sejak titik jalur pertumbuhan pada tahun 1990 dan terus merosot sejak 2005 sehingga 1.5 peratus setahun. Lebih membimbangkan, analisis himpunan data yang disimpan di arkib Coral Core AIMS itu menjangka pertumbuhan karang akan sama sekali terhenti menjelang 2050 sekiranya trend kemerosotan ini berterusan.

Dalam laporan tersebut, Dr. Glenn De'ath, Dr. Janice Lough dan Dr. Katharina Fabricius mengakui bahawa hasil analisis itu adalah satu tanda yang amat membimbangkan kerana ia berlaku di sistem terumbu karang yang menerima perlindungan dan pengurusan terbaik dunia. "Terdapat bukti kukuh menunjukkan kemerosotan tersebut berpunca daripada gabungan peningkatan suhu permukaan laut dan pengasidan lautan," jelas penyelidik tersebut.

Laut lebih berasid

Peningkatan karbon dioksida di dalam laut menyebabkan keseimbangan alkali-asid atau nilai pH laut menjadi lebih rendah iaitu laut menjadi lebih berasid. Setakat ini laporan itu mendapati, nilai pH laut telahpun jatuh sebanyak 0.1 mata memandangkan laut menyerap kira-kira sepertiga daripada lebihan gas tersebut. Mereka menjangkakan menjelang dalam tempoh kurang seratus tahun, nilai pH akan jatuh sebanyak 0.4 mata lagi sekiranya keadaan itu berterusan.

Jika projeksi kemerosotan pH sebanyak 0.4 mata itu menjadi kenyataan, lautan akan menjadi satu dunia yang amat asing yang pernah organisma marin alami dalam tempoh ratusan ribu tahun. Justeru, laporan itu menegaskan bahawa kadar dan magnitud perubahan dalam komposisi kimia laut dan suhu mesti di beri perhatian demi masa depan ekosistem marin. Apapun, kedua-dua perubahan itu boleh dijelaskan sebagai kesan daripada fenomena gas rumah hijau daripada peningkatan suhu dunia.

Gas karbon dioksida adalah gas rumah hijau utama yang banyak dilepaskan melalui aktiviti manusia ke udara daripada pembakaran bahan api seperti petrol, arang batu, gas asli dan diesel bagi menghasilkan tenaga untuk menjana elektrik dan kenderaan. Sebagai pemampatan karbon, laut memainkan peranan penting bagi menyerap gas rumah hijau karbon dioksida. Gas tersebut yang larut dalam air adalah berasid, justeru menyebabkan laut menjadi makin berasid dengan peningkatan gas itu di udara.

Perubahan dalam komposisi kimia laut itu pula mengganggu dan memperlahankan kebolehan hidupan karang untuk menyerap kalsium daripada air laut yang diperlukan untuk membina rangka skeletannya. Terumbu karang membina rangka keras mereka daripada bahan terlarut yang terdapat dalam air laut.

Sedangkan pertumbuhan skeleton baru secara berterusan amat penting memandangkan peranannya sebagai tulang belakang kepada ekosistem terumbu yang amat kompleks yang mana puluhan ribu spesies tumbuhan dan haiwan marin bergantung kepadanya.

Selain itu, penghasilan skeleton baru juga amat diperlukan bagi mengimbangi kehilangan karang akibat hakisan semulajadi dan penyerpihan.

Layari laman web www.aims.gov.au untuk maklumat lanjut.

4 Februari 2009 (Rabu)

Negara perlu RM35 bilion

Oleh HATA WAHARI dan AMRAN AHMAD pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 4 Feb. - Negara memerlukan pakej rangsangan ekonomi sekurang-kurangnya RM35 bilion bagi merancakkan semula ekonomi negara terutama dalam sektor pembinaan, pembuatan serta industri kecil dan sederhana (IKS).

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berjaya mengemudi negara keluar daripada krisis kewangan serantau 1997 berkata, langkah seterusnya ialah memastikan pakej rangsangan kedua itu yang merupakan lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) disalurkan secara cekap. "Yang paling penting ialah rakyat benar-benar dapat merasai limpahan pakej tersebut dan kekal dalam pekerjaan bagi menjana pertumbuhan ekonomi secara dalaman tanpa bergantung berterusan terhadap aktiviti eksport," katanya kepada pemberita selepas Sesi Strategi Eksklusif Krisis Kewangan Global di sini hari ini.

Sesi diskusi sehari yang menghimpunkan lebih 60 peneraju syarikat dan usahawan daripada pelbagai industri tempatan itu mengupas segala aspek mengenai krisis ekonomi dunia semasa dan dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia (NCCIM).

Pada November lalu, kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi yang pertama bernilai RM7 bilion dengan RM5 bilion daripada peruntukan itu telah disalurkan kepada kementerian dan agensi terbabit manakala baki RM2 bilion lagi akan dikeluarkan dalam masa terdekat. Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, pada masa yang sama, kerajaan juga perlu mencari penyelesaian dalam soal banjir pekerja asing di negara ini bagi membolehkan warga tempatan merebut kembali peluang-peluang pekerjaan yang masih wujud di negara ini.

Sementara itu, Presiden NCCIM, **Datuk Syed Hussien Al Habshee** berkata, pihaknya mencadangkan agar kerajaan menubuhkan bank milik penuh kerajaan dengan memperkenalkan produk pinjaman tanpa faedah yang pertama seumpamanya di dunia bagi membantu rakyat yang tersepit ekoran krisis itu.

"Penubuhan bank yang prihatin mengenai masalah yang menimpa rakyat itu juga akan menghapuskan semua masalah kewangan yang membelenggu perniagaan IKS yang sentiasa berhadapan dengan kesukaran mendapatkan bantuan kewangan daripada bank-bank swasta," jelasnya.

Ditanya cadangan dana awal untuk memulakan operasi bank itu, Syed Hussien menambah, peruntukan antara RM10 bilion hingga RM20 bilion dirasakan mencukupi untuk meringankan beban rakyat pada masa ini yang bukan sahaja berhadapan risiko diberhentikan pekerjaan malahan juga potongan gaji.

4 Februari 2009 (Rabu)

RM240 juta bakal disalur ke Sabah

KOTA KINABALU 4 Feb. - Kerajaan Pusat akan menyalur dana sebanyak RM240 juta daripada peruntukan khas bernilai RM1 bilion kepada negeri ini yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi melaksana projek pembangunan Sabah tidak lama lagi.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman (**gambar**) berkata, peruntukan itu diharap akan dapat disalur terus kepada Kementerian Kewangan Sabah dan cadangan tersebut secara dasarnya sudah dipersetujui Kerajaan Pusat. "Kerajaan negeri meminta supaya RM240 juta diberi terus kepada Kementerian Kewangan Sabah dan secara prinsipnya telah pun dipersetujui Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Negeri (MTN) Sabah di Wisma Innoprise dekat sini kelmarin. Sebelum ini, peruntukan pertama RM200 juta telah disalurkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) Sabah pada awal bulan lalu sebagai permulaan bagi pemberian peruntukan RM1 bilion itu.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah berkata, peruntukan baru itu membuktikan keperluan kewangan untuk negeri ini bukan suatu masalah seperti yang digembar-gembur pihak tertentu. "Jadi masalah duit tidak datang atau lambat tidak benar, kewangan sudah ada dan sudah diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk kita melaksanakan semua projek yang sudah dirancang," katanya.

Justeru, beliau meminta semua pihak yang terlibat khususnya agensi-agensi pelaksana supaya memainkan peranan dengan berkesan dalam melaksana projek-projek pembangunan. Mengenai peruntukan RM200 juta itu, beliau berkata, wang tersebut yang kini berada di Pejabat PPN, boleh dibelanja pada bila-bila masa mengikut keperluan semasa.

Beliau berkata, selain peruntukan RM1 bilion itu, di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kerajaan Sabah diberi peruntukan tambahan sebanyak RM3.89 bilion. Menurutnya, tambahan kewangan itu menjadikan jumlah siling peruntukan yang diterima kerajaan negeri sehingga kini ialah RM20.80 bilion untuk melaksanakan 4,934 projek di seluruh negeri.

Setakat ini, katanya, prestasi perbelanjaan RMK-9 bagi negeri ini dari 2006 hingga 2008 berada pada tahap 52.89 peratus atau RM10.13 bilion. "Secara keseluruhannya peratus perbelanjaan RMK-9 bagi negeri ini telah melebihi pencapaian prestasi peringkat nasional iaitu pada tahap 45.2 peratus," katanya.

Bagaimanapun, katanya, jumlah tersebut tidak termasuk pembayaran dalam tempoh akaun kena bayar (AKB) yang berakhir pada 9 Januari lalu.

5 Februari 2009 (Khamis)

Kakitangan awam boleh tuntutan bayaran letak kereta

KUALA LUMPUR 5 Feb. — Kakitangan awam kini boleh menuntut bayaran balik letak kereta sehingga maksimum RM90 sebulan berkuatkuasa 1 Feb 2009.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Tan Sri Ismail Adam dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan berhubung pindaan kadar bayaran balik letak kereta, bayaran balik letak kereta diberi kepada pegawai perkhidmatan awam yang perlu menggunakan kenderaan bagi menjalankan tugas rasmi dan menyewa ruang letak kereta di pejabat masing-masing.

Kadar baru bayaran balik letak kereta adalah berdasarkan kadar sebenar atau maksimum RM90 sebulan mengikut mana yang lebih rendah, menurut pekeling itu. Sebelum ini, berdasarkan pekeling perkhidmatan bilangan 4/1992, pegawai awam boleh mengemukakan had maksimum tuntutan bayaran balik letak kereta tidak melebihi RM30 sebulan.

5 Februari 2009 (Khamis)

Felda laksana perladangan pintar



S. PALANIAPPAN (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Abdul Wahab Abdullah sambil disaksikan oleh Yusof Noor dan Suriah Abdul Rahman (dua dari kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Felda Agricultural Services Sdn. Bhd. (FAS) akan melaksanakan teknologi perladangan pintar pertama seumpamanya di dunia menjelang suku ketiga tahun ini. Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif FAS, S. Palaniappan berkata, teknologi itu akan digunakan dalam projek penanaman kelapa sawit di pusat kajiannya melibatkan kawasan seluas 100 hektar di Pahang sebelum digunapakai di ladang kelapa sawit milik Kumpulan Felda seluas 740,000 hektar.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat mengulas lanjut mengenai kajian itu, kerana segala-galanya masih di peringkat awal kajian. "Kajian ini akan membabitkan masa selama 12 bulan, dan pelaksanaannya bergantung kepada pelbagai faktor," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara FAS dengan MIMOS Bhd, (MIMOS) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah, Pengerusi MIMOS, Datuk Suriah Abdul Rahman dan Pengerusi Felda, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor. Melalui MoU itu, kedua-dua syarikat akan bekerjasama dalam enam bidang iaitu teknologi Sistem Elektro-Mekanikal Mikro (MEMS), semantik, wayarles dan pengkomputeran grid untuk digunakan dalam projek berkenaan.

Mengulas lanjut tentang kelebihan teknologi pintar itu kepada penanaman kelapa sawit, Palaniappan berkata, penggunaan teknologi itu mampu meningkatkan kadar perahan untuk minyak sawit, mengeluarkan kombinasi baka biji benih baru dan sebagai bantuan dalam proses membuat keputusan dalam pengurusan ladang. FAS, anak syarikat Felda Holdings Bhd. terlibat dalam kegiatan penyediaan teknologi penyediaan baka pokok kelapa sawit, kultur tisu, agronomi dan perlindungan tanaman. Tahun lalu, syarikat berjaya menghasilkan kira-kira 23 juta biji benih, yang mana 76 peratus daripadanya dipasarkan kepada pelanggan di Malaysia dan Indonesia.

5 Februari 2009 (Khamis)

RM2 bilion bina infrastruktur

Oleh NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR utusanjohor@utusan.com.my



ABDUL Ghani Othman menerima cenderamata daripada Soh Poh Sheng sambil diperhatikan Arlida Arif (dua dari kanan) di Johor Bahru, kelmarin.

JOHOR BAHRU 5 Feb. - Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan RM2 bilion kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur yang dijangka bermula awal tahun ini. Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, peruntukan itu membolehkan kerajaan negeri melaksanakan kerja-kerja melebarkan jalan dan pembersihan sungai di negeri ini. Katanya, projek penambahbaikan infrastruktur itu juga adalah sebahagian daripada langkah kerajaan negeri untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini pada masa akan datang.

"Diharapkan penduduk negeri ini bersedia untuk mengadaptasi projek pembangunan yang bakal dimulakan dalam tempoh terdekat ini. "Penambahbaikan infrastruktur ini juga bertujuan untuk membantu kerajaan memacu pertumbuhan ekonomi yang sedang dilanda krisis sejak kebelakangan ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada majlis makan malam sambutan Tahun Baru Cina anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghoa Johor Bahru dan Iskandar Investment Berhad (IIB) di sini semalam. Hadir sama Pengarah Urusan Iskandar Investment, Arlida Arif dan Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Cina Johor Bahru, Datuk Soh Poh Sheng.

Abdul Ghani berkata, antara projek yang bakal dilaksanakan termasuk melebarkan jalan di sepanjang Pantai Lido dan beberapa jalan di Skudai bagi mewujudkan aliran trafik bebas kepada penduduk di sini. Selain itu katanya, kerajaan negeri juga akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan beberapa batang sungai yang terjejas termasuk Sungai Segget bagi membolehkan ia diguna semula oleh penduduk. "Kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur ini merupakan antara langkah yang perlu disegerakan untuk memacu semula ekonomi negara yang sedang menguncup kesan daripada krisis kewangan global. "Saya yakin dan optimis, melalui pembangunan yang bakal dilaksanakan ini negeri ini mampu untuk menjadi hab pelaburan antarabangsa pada masa akan datang," katanya.

5 Februari 2009 (Khamis)

MBPJ sita 4,088 iklan haram



PENGUATKUASA MBPJ menjalankan operasi menurunkan iklan haram di seluruh kawasan pentadbiran MBPJ semalam.

PETALING JAYA 5 Feb. - Sebanyak 4,088 unit iklan haram telah disita oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sepanjang bulan lalu. Menurut Pengarah Penguatkuasa MBPJ, Mohd Fauzi Maarop, iklan haram pinjaman wang berlesen yang paling banyak disita iaitu sebanyak 2,614 unit. "Selain itu iklan jenis bunting sebanyak 546 unit, banner 13 unit, pamphlet 925, dan jenis lain-lain berjumlah 231. "Pada tahun 2008 sahaja sebanyak 31,430 unit iklan haram ini telah disita oleh pihak MBPJ," katanya pada sidang akhbar hari ini. Ujarnya, MBPJ mengadakan operasi tindakan penguatkuasaan, termasuk hari ini, adalah bagi memerangi iklan haram yang mencacatkan pemandangan di sekitar kawasan pentadbirannya.

Operasi itu diketuai beliau sendiri dengan dan dibantu oleh dua orang penolong pegawai penguat kuasa dan kira-kira 80 anggota penguat kuasa. Jelasnya, operasi itu bermula pada pukul 10 pagi ini sehingga tengah malam bagi memastikan iklan-iklan haram itu ditanggalkan dari tempat yang tidak sepatutnya itu.

"Lokasi yang menjadi tumpuan operasi adalah di sekitar jalan-jalan utama, tempat awam dan di sekitar kawasan pentadbiran MBPJ. "Untuk pengetahuan umum operasi pembasmian iklan haram ini telah lama dilakukan oleh pihak MBPJ dan ia akan berterusan sepanjang tahun ini, cuma sekarang ini kami mahu menghebahkan kepada umum agar diketahui oleh masyarakat," katanya kepada pemberita.

Beliau menjelaskan, masih terdapat banyak lagi iklan haram yang ditampal di sekitar kawasan pentadbiran MBPJ walaupun tindakan penguatkuasaan telah dijalankan sebelum ini. Selain itu, katanya, sekiranya terdapat individu yang ditangkap menjalankan kegiatan menampal iklan-iklan haram semasa operasi dijalankan mereka boleh dikompau sebanyak RM1,000.

6 Februari 2009 (Jumaat)

Nelayan Sarawak terancam

Oleh SOPI SAMAILE utusanSarawak@utusan.com.my



DERETAN bot nelayan asing yang dikatakan mendapat lesen tempatan berlabuh di Tanjung Manis, Sarikei, Sarawak. - utusan/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

KUCHING 6 Feb. - Jika 10 tahun lalu, para nelayan di Sarawak mampu menarik nafas lega kerana memperoleh pendapatan yang lumayan, namun kini keadaan mula berubah. Kehidupan nelayan bertambah sempit malah mereka rasa bimbang mengenang untung nasib mereka pada masa akan datang. Apa tidaknya, jika dulu menunda pukut tidak sampai dua atau tiga jam, peti sejuk telah dipenuhi hasil tangkapan ikan tetapi sekarang, jangan dikatakan satu atau dua jam, tempoh untuk dua atau tiga minggu pun belum tentu memperoleh hasil sebanyak itu. Mungkinkah benar sumber ikan mulai berkurangan?

Bagaimanapun jika diteliti dengan mendalam, ada munasabahnya ikan semakin berkurangan di perairan negara ini disebabkan oleh faktor berleluasanya kegiatan bot nelayan asing di perairan negara. Maka tidak hairanlah, Pengerusi Persatuan Nelayan Sarawak (Panesa), **Jamali Basri**, 56, mendakwa sumber ikan di perairan Sarawak dijangka habis dalam tempoh dua tahun lagi.

Jamali memberitahu, hasil tangkapan para nelayan tempatan semakin merosot sejak lapan atau sembilan tahun yang lalu akibat perbuatan bot nelayan asing ini. "Dulu, nelayan tempatan berdepan masalah dengan kegiatan bot nelayan yang dipanggil 'bot carta' yang dikendalikan oleh rakyat asing dan apabila kita 'bising' perkara itu senyap dan hilang. "Hidup para nelayan kembali bersemangat namun beberapa tahun lalu, timbul masalah bot nelayan asing yang telah diberikan lesen untuk beroperasi di perairan negara yang kononnya dimiliki oleh pengusaha tempatan," katanya.

Jamali berkata, sebelum ini bot asing yang didaftarkan sebagai bot tempatan terdapat sebanyak 264 buah dan terdapat dakwaan Jabatan Perikanan Laut telah meluluskan 500 lagi lesen kepada bot nelayan asing untuk beroperasi di perairan negeri ini. Katanya, tindakan meluluskan lesen seumpama itu akan menyebabkan para nelayan tempatan 'mati kelaparan' dan tidak mustahil ramai keluarga nelayan yang menjadi miskin yang sekali gus menggagalkan sasaran kerajaan untuk membasmi kemiskinan.

Tambahnya, alasan yang diberikan oleh pihak tertentu bahawa bot nelayan asing diberikan lesen untuk beroperasi di perairan negeri ini disebabkan ia telah dibeli oleh pengusaha tempatan. "Kita melakukan siasatan mengenai perkara ini malah pergi ke Taiwan untuk mendapatkan kepastian dan ternyata pengusaha-pengusaha yang dikatakan itu bukannya membeli bot berkenaan tetapi hanya disewa sahaja.

"Secara logiknya, bot-bot nelayan terutamanya dari negara asing yang telah terpakai dijual pada harga RM1 juta hingga RM3 juta sebuah tapi apa menghairankan terdapat segelintir pengusaha yang mempunyai lebih daripada 50 buah bot seumpama itu dan ia menjadi tanda tanya," ujarinya.

Jamali berkata, kebanyakan bot nelayan asing yang telah dilesenkan ini berlabuh di Tanjung Manis dan para pekerjaanya juga adalah rakyat warga negara asing. Menurutnya, jika perkara ini terus dibiarkan berlaku, ia akan menyebabkan para nelayan khuatir bukan sahaja mengenai sumber ikan di perairan negara sendiri akan berkurangan namun paling ditakuti adalah pengangguran di kalangan nelayan. Secara tidak langsung, jelasnya, para nelayan yang tiada pekerjaan akan berdepan dengan hidup yang kesempitan dan pada masa itu kemungkinan perlakuan jenayah dalam masyarakat akan meningkat di kalangan mereka.

"Kita berharap kerajaan serta pihak bertanggungjawab meneliti perkara ini dengan sebaik-baiknya dan menarik semula pemberian lesen kepada bot-bot nelayan asing. Kita telah berjumpa Jabatan Perikanan Laut, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, malah telah menghantar surat bantahan mengenai pemberian lesen itu kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, namun masih belum ada keputusan," katanya.

Jamali berkata, pihaknya tidak membantah malah menyokong penuh kerajaan sekiranya dapat menarik para pelabur yang benar-benar komited untuk merancakkan industri perikanan di negara ini dan bukannya cara memberi lesen kepada bot nelayan asing. Katanya, Panesa yang mempunyai keahlian seramai 15,000 orang di seluruh negeri sudah pasti mendapat manfaat jika kegiatan bot nelayan asing dapat dibanteras dan biar nelayan tempatan yang menangkap sumber ikan milik negara ini. "Kita tidak mahu menjadi orang yang mengimport ikan yang sumbernya ditangkap di negara sendiri," ujarinya.

6 Februari 2009 (Jumaat)

Tropical Profile disiasat

Oleh AMRAN MULUP utusanmelaka@utusan.com.my



President Imai Aero-Equipment Mfg. Co. Ltd., TETSUO Imai (kiri) bertukar dokumen dengan Pengerusi Cubic Electronics Sdn. Bhd., Datuk Goh Seng Chong sambil disaksikan Mohd. Ali Rustam pada majlis MoU di Ayer Keroh Melaka, semalam.

MELAKA 6 Feb. - Kerajaan negeri akan mengambil tindakan undang-undang terhadap firma Tropical Profile (M) Sdn. Bhd., kerana mencerooboh pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka di Jalan Taming Sari dekat sini. Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, tindakan firma terbabit mencerooboh untuk menyita peralatan pejabat JKR Melaka dibuat tidak mengikut undang-undang. Katanya, firma itu tidak sepatutnya menyita pelbagai peralatan pejabat JKR kerana ia adalah hak milik kerajaan negeri dan bukannya disediakan oleh Kementerian Kerja Raya.

"Ini yang firma terbabit tidak tahu. Peralatan pejabat seperti kerusi, meja, komputer, almari kabinet dan sebagainya telah disediakan oleh kerajaan negeri. Apa yang mereka lakukan semalam sebenarnya mencerooboh. "Sehubungan itu saya telah mengarahkan Penasihat Undang-Undang negeri untuk menyiasat perkara ini dan jika perlu firma terbabit wajar disaman kerana mencerooboh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara Cubic Electronics Sdn. Bhd. dengan Imai Aero-Equipment Mfg. Co. Ltd. (IAC) dalam pembuatan komponen kapal terbang di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai pelbagai jenis peralatan pejabat dan kenderaan milik JKR di Jalan Taming Sari di sini disita apabila gagal menjelaskan arahan pembayaran oleh Mahkamah Tinggi berjumlah RM4.5 juta kepada sebuah firma tempatan. Firma terbabit Tropical Profile (M) Sdn. Bhd. telah memfailkan tuntutan di Mahkamah Tinggi di sini 2004 untuk mendapatkan pembayaran yang gagal dilunaskan oleh JKR negeri setelah siap projek lebuhraya yang menghubungkan Durian Tunggal dan Sungai Udang pada 2003.

JKR telah memberi projek bernilai RM240 juta itu kepada kontraktor utama iaitu sebuah konsortium yang disertai syarikat Revolutionary Technology Sdn. Bhd., Seri Siantan Sdn. Bhd. dan Al-Joffrie Sdn. Bhd., yang kemudian melantik Central Effective Sdn. Bhd. sebagai sebahagian sub kontraktor projek itu. Mengulas lanjut Mohd. Ali berkata, kerajaan negeri akan membuat satu laporan polis berhubung tindakan firma terbabit mencerooboh pejabat JKR tanpa mengikut undang-undang. Menurutnya, apa juga tindakan yang akan diambil bergantung kepada siasatan yang akan dijalankan oleh Penasihat Undang-Undang negeri.